

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR.S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]
SOALAN :**

YB Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk menangani masalah kelebihan doktor dalam lima tahun yang akan datang. Apakah langkah-langkah diambil untuk mengatasi masalah ketiadaan Jabatan Urologi di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB). Adakah Jabatan Urologi akan ditubuhkan apabila projek naik taraf HRPB yang sedang dijalankan siap kelak.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil perhatian mengenai kemungkinan berlakunya lebihan keluaran calon graduan perubatan dan akan menyebabkan kesulitan dalam pengambilan Pegawai Perubatan di KKM berbanding dengan jumlah pejawatan sedia ada. Dalam usaha KKM menangani isu kemungkinan berlakunya lebihan ini dan juga memastikan pemeraksanaan kualiti dan keupayaan Pegawai Perubatan dari semasa ke semasa, Kementerian telah melaksanakan inisiatif seperti mana berikut:

- (i) Mengadakan kolaborasi dengan Kementerian Pelajaran Malaysia bagi meneliti semula kelayakan minimum akademik bagi kemasukan ke pengajian perubatan; dan
- (ii) Mencadangkan kepada Kerajaan mengenai langkah-langkah yang boleh diambil untuk memantapkan lagi profesion Pegawai Perubatan di KKM.

Adalah diharapkan inisiatif ini dan juga penambahbaikan lain yang dilaksanakan dari semasa ke semasa oleh KKM dapat memastikan tidak berlaku lebihan dalam jumlah Pegawai Perubatan, malah ia mencukupi berdasarkan keperluan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak lima belas tahun yang lalu, perkhidmatan lawatan bulanan pakar urologi telah mula di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh. Ketika itu, dilaksanakan oleh Pakar Urologi, Hospital Kuala Lumpur (HKL) sahaja namun dari tahun 2002, digilirkan di antara Pakar Urologi dari Hospital Selayang dengan Hospital Kuala Lumpur.

Perkhidmatan Urologi yang diberikan semasa lawatan Pakar Urologi ini adalah terdiri daripada sehari penuh dengan sesi pembedahan dan sehari bagi sesi klinik dan perbincangan kes-kes urologi. Jabatan Bedah Am dari HRPB, Ipoh sendiri juga mengadakan Klinik Urologi sekerap sekali seminggu. Bagi menangani kes-kes kecemasan urologi dan kes-kes baharu, para Pakar Bedah Am dari HRPB Ipoh sentiasa berkomunikasi dan berbincang dengan pakar urologi dari HKL atau Selayang dan jika perlu pesakit-pesakit tersebut di rujuk dan di pindahkan.

Akses perkhidmatan urologi bagi pesakit-pesakit dari Negeri Perak adalah jelas di mana bagi pesakit-pesakit dari kawasan Selatan Perak (contoh Teluk Intan dan Slim River) pada kebiasaannya dirujuk ke Hospital Selayang atau HKL manakala dari Perak Utara (contoh Taiping) pula dirujuk ke Hospital Pulau Pinang oleh Hospital Taiping bagi mendapatkan rawatan masalah / penyakit urologi. Para pesakit dari kawasan Tengah Perak (contoh Ipoh, Sg Siput, Tapah dan Batu Gajah) pula dirawat di HRPB, Ipoh.

Jabatan Urologi dirancang untuk diwujudkan di HRPB, Ipoh dalam masa dua tahun ini dengan penempatan pakar secara residen dan menggunakan ruang dan sumber sedia ada. Keperluan peralatan-peralatan khas yang diperlukan bagi perkhidmatan dan pembedahan urologi sedang menunggu kelulusan. Namun di dalam skop projek naik taraf baharu hospital ini (Perkhidmatan Kardiologi dan Wanita dan Kanak-kanak), tidak ada kemudahan khas bagi Perkhidmatan Urologi.